



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 Mac 2021 (Isnin)

Berita Harian

| | |
|---|---|
| 'Jangan bimbang takut terima suntikan vaksin' | 1 |
| 'Adat berpolitik ibarat bina keluarga' | 2 |
| Selangor FC tak panik | 3 |

Harian Metro

| | |
|--|---|
| Banglo diserbu tapi sajat tidak dijumpai | 4 |
| Sajat bermain pihak berkuasa agama | 5 |

Kosmo

| | |
|---|----|
| Di mana Sajat bersembunyi? | 6 |
| Angka jangkitan langkau 300,000 | 7 |
| Melaka tidak minat beli vaksin tambahan | 8 |
| Dua Ahli Parlimen PKR sokong PN | 9 |
| Venue rasmi Sarawak United, Kuching City sudah ditetapkan | 10 |

Berita Harian Online

| | |
|---|----|
| 5 aksi Liga Perdana dipinda tarikh | 11 |
| Adat berpolitik ibarat bina keluarga - Salahuddin | 12 |
| PKR digesa tidak hipokrit, lidah bercabang | 13 |

Malaysiakini (English)

| | |
|--|----|
| AMK saran Salahuddin muhasabah diri, elak politik bermuka-muka | 14 |
| Giliran bekas pengerusi Amanah Pahang 'keluar parti' | 15 |
| PKR usah budayakan politik tikam belakang, kata Pemuda Amanah | 16 |

Selangor TV

| | |
|---|----|
| 100 pelajar B40 di Dun Kinrara terima komputer percuma | 17 |
| Pelbagaikan bantuan, bantu penduduk Taman Medan | 18 |
| Permohonan Hadiah Pengajian IPT kini dibuka! | 19 |
| Permohonan permit bazar Ramadan MBPJ dibuka 1 Mac | 20 |
| Sedia tuisyen dalam talian percuma, bantu pelajar B40 di PJ | 21 |
| Tinjauan Prihatin, MPK cakna saringan Covid-19 & pusat haiwan | 22 |

Sinar Harian Online

| | |
|---------------------------------------|----|
| Pejuang umum sembilan pemimpin negeri | 23 |
|---------------------------------------|----|

The Star

| | |
|---|----|
| MBPJ MATTERS | 24 |
| All 24 MBSA councillors assigned zones to oversee | 25 |
| Further boost for Muhyiddin | 26 |
| MBPJ sees drop in dengue cases | 27 |
| MPKj in pilot project to tackle abandoned cars | 28 |
| Chess, jump rope among additions to S'gor virtual programme | 29 |

New Straits Times Online

| | |
|--|----|
| Amanah Youth blasts PKR for 'hypocrisy' over party-hopping issue | 30 |
|--|----|

The Malay Mail Online

| | |
|---|----|
| Analysts: With Amanah reps crossing to PKR, more may follow suit as party's position in | 31 |
|---|----|



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Amanah Youth chief warns PKR against keeping defectors, says Pakatan's viability at stake
P32akatan weakened

China Press

Not worried about water rationing during dry spell; Selangor's 8 water dams amount can hold it 33

Sin Chew Daily

Taman Impian drains cleaned 34
Pertandingan Kejiraaan Hijau Zon Bersih Mini; Wong Hao Wen won Best Residential Association Chairman award 35



| KERATAN AKHBAR | | |
|-----------------------|---|---|
| 1 March 2021 | | |
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 'Jangan bimbang takut terima suntikan vaksin' |
| Muka Surat | : | 12 |

'Jangan bimbang, takut terima suntikan vaksin'

Dari Muka 11

Perluakah hubungan antarabangsa

S: Mengenai hal ehwal hubungan antarabangsa, Tan Sri hanya berpeluang bertemu Presiden Indonesia secara bersemuka dengan pemimpin ASEAN dan negara lain hanya secara maya. Adakah kerajaan mengadakan lawatan kerja rasmi menjadi penghalang dalam usaha meningkatkan hubungan antarabangsa?

J: Ya, dari satu sudut, betul. Kita bincang tadi, di seluruh dunia pemimpin negara lain pun tidak pergi melawat ke sana ke mari, bukan kerana mereka tidak mahu, tetapi mereka tidak dibenarkan. Persidangan yang kita pengurusikan, Sidang Kemuncak Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), kita buat secara maya. ASEAN tidak mengizinkan menteri pergi juga kerana masalah COVID-19, tetapi itu tidak bermakna kita abaikan isu hubungan dengan negara lain.

Bagi saya, ia antara perkara yang utama, hubungan luar dengan negara sahabat, kita mengutamakan dasar berbaik dengan semua negara kecuali sebagai negara itu. Umumnya begitu kerana ini dasar Malaysia sejak dulu, saya pertalukan, tetapi soal dasar tadi tidak cukup, hasil dasar tadi mesti memberikan kesinambungan kepada kita, jadi kalau begitu, mesti ada hubungan yang akrab. Sebab itu saya memilih Indonesia, dalam keadaan yang tidak menentu, hendak pergi atau tidak, akhirnya pergi juga. Pak Jokowi (Presiden Indonesia, Joko Widodo) kata 'sila pak, orang Indonesia di Jakarta sedang menunggu'. Saya pergi, Alhamdulillah.

Jangkaan pada Mac ini, saya akan pergi ke Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu, selepas itu China. Ada kita rancang kerana bagi saya, hubungan yang sudah terjalin selama ini, kita perlu perkuatkan. Seperti di Indonesia hari ini, saya usul dan Pak Jokowi segera terima cepat, kita tingkatkan hubungan Indonesia ke satu taraf yang dipanggil Rakam Kerjasama Strategik menyeluruh, ia bukan biasa, ini kerana saya fikir Indonesia akan bangkit sebagai kuasa besar, selain dilihat yang berlaku di China.

Ada faedah dari segi perdagangan, pelaburan, pendidikan, budaya, seni dan sebagainya. Jadi sebab itu, saya kalau boleh, hubungan dengan semua negara ASEAN dan jiran terdekat menjadi keutamaan. Kita pilih setiap ini nak ke mana? Brunei, Jepun, Korea Selatan.

Semua negara ini kita ada hubungan, ada perjanjian, baik pelaburan, pendidikan, pertahanan, tetapi disebabkan COVID-19, ia terjejas sedikit. Namun, bukan bermakna kita tidak berikan perhatian. Macam dulu dan diteruskan dalam kalangan negara ASEAN (untuk melihat bagaimana hendak bantu negara ASEAN mengatasi masalah COVID-19. Mungkin kita perlukan satu langkah yang agak jelas ke hadapan bagi membantu (pemulihan) pasca pandemik, merindai pemuliharaan pada kadar segera, itu satu contoh.

Alhamdulillah, seperti pada sidang APEC, kita berjaya usulkan (penganjuran). Saya berinteraksi secara maya dengan semua pemimpin dunia, negara ASEAN begitu juga. Saya lebih seronok kalau dapat hubungan peribadi, dengan cara lawatan fizikal sambil makan, bercerita, tetapi itu tidak boleh. Sebab itu pelaksanaan suntikan vaksin penting. Bukan saya saja hendak ke luar negara, jalinan dan orang lain juga. Apabila ada vaksin, kita rasa lebih selamat. Mungkin ini akan membuka pintu kerjasama negara kita dan hubungan dengan negara lain juga akan lebih akrab lagi.

Ramai minat melabur di Malaysia

S: Banyak isu antarabangsa dilihat seperti terlepas pandang. Adakah kerajaan akan memberi lebih tumpuan kepada isu sedemikian selapas ini?

J: Bukan terlepas pandang, tetapi disebabkan keadaan dan persekitaran semasa, tetapi Kementerian Luar sebagai agensi utama yang merintis soal hubungan antara negara berjalan dengan biasa. Menteri (Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein) pun berhubung secara maya, menerusi telefon. Saya dapat liputan ia berlaku secara berkala. Kalau ada isu tertentu, Malaysia tidak terkecual.

Isu Myanmar sekarang, kita bincangkan soal itu atau soal di Asia Barat, kita tahu apa yang berlaku dan kita ada pendirian negara berhubung isu tertentu sejak dulu. Walaupun ini pendirian baharu, kalau dasar itu baik untuk negara, saya kekalkan, tidak diubah, tetapi penting untuk ditindaklanjuti. Macam perkara yang saya hendak beri perhatian selain ASEAN, antara dasar utama ialah hubungan Malaysia dengan negara Islam kerana orang kita kita sebagai negara Islam terbemuka.

Bukan pasal Islam saja, tetapi ada faedah yang lain juga. Bagi saya, ini ruang besar kerana Malaysia sudah tercantik sebagai ne-



Ketibaan vaksin Pfizer pada 21 Februari lalu adalah kemuncak usaha kerajaan membendung wabak COVID-19. (Foto Ihsan MAsKargo)

gara yang agak maju dalam beberapa bidang, termasuk teknologi. Kita mahu pengalaman Malaysia (dalam teknologi) dapat dikongsi bersama atau mengenai ekonomi, perdagangan, pelaburan, pendidikan.

Ini saya lihat dalam tempoh beberapa tahun lalu, bukan sewaktu penubuhan saya, agak tidak di berikan tekanan, maka ia perlu dilihat semula untuk ditingkatkan lagi atau dengan negara selatan (negara dunia ketiga). Biasanya orang lain, kalau negara itu miskin, dia kata biarlah, tetapi antara negara itu ialah negara Islam.

China ialah rakan dagang terbesar, ini tidak boleh main-main. Kalau kita tiada hubungan akrab dengan mereka dalam segunap bentuk, ini akan merugikan Malaysia. Justeru saya bertekad untuk melawat China, berjumpa Presiden Xi Jinping, berbincang banyak agenda yang sudah dipitaskan pada masa lalu dan hendak lihat bagaimana Malaysia-China mampu bekerjasama.

China sudah bertapak di sini pun, terbit dalam infrastruktur, penguatkuatan dan saya dengan ramai lagi berminat hendak datang melabur di Malaysia. Mereka mempunyai sumber dana yang cukup besar, merajau trilion dolar Amerika Syarikat (AS). Soal dasar luar negara ini bukan sekadar hendak mewujudkan kerjasama, perdagangan dunia saja yang memang penting, tetapi hasil hubungan itu mesti ada faedah bersama. Lebih kepada Malaysia. Umumnya, kita tengok perangkaan perdagangan kita, defisit. Mereka lebih banyak berdagang dengan kita berbanding sebaliknya, maka kita kena tengok untuk bawakan semula.

Begini juga mengenai ketidakseimbangan dari segi daya pelaburan. Kenapa orang tidak datang melabur di sini, tetapi di tempoh lain? Itu kita kena tengok. Ini saya sudah berunding dengan Datuk Azmin (Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali). Kita kenal pasti perincian bidang yang boleh kita berikan perhatian supaya hasil hubungan luar negara itu, selain menjamin kesejahteraan, kesihatan serantau, turut memberi kesan positif kepada pembangunan negara. Itu penting.

Rindu bersemuka dengan rakyat

S: Berbalik kepada situasi semasa COVID-19. Adakah Tan Sri merindui suasana bersemuka dengan rakyat?

J: Ya. Saya hendak balik kawasan saya di (Parlimen) Puchong, pegawai saya kata boleh balik, tetapi Tan Sri hendak pergi mana? Saya kata, saya hendak jumpa rakyat, (pegawai jawab) "PKP Tan Sri". Oh ya juga, tetapi takkan saya hendak jumpa rakyat secara maya saja? Rakyat kita maya pun pandai juga, tetapi kesannya tidak sama, kita perlu jumpa mereka, kita sudah kenal.

Sebab itu kita beri perhatian untuk cari jalan cepat supaya COVID-19 dapat diatasi, mungkin seluruh negara beralih kepada PKP Pesulihan (PKPP) dan akhirnya langsung tiada PKP, tetapi kita terus amalkan SOP sehingga dimaklumkan oleh pakar imunologi dan KKM, Malaysia sekarang bebas daripada COVID-19. Kita boleh hidup seperti biasa, hendak bersalam boleh, berpukul boleh, sebagai contohlah.

Itu yang kita harapkan. Sebab itu pelan yang kita laksanakan sekarang amat penting, justeru mesyuarat pun mudah. Saya dimaklumkan, mesyuarat Kabinet pun tidak selamat pakai (aplikasi) Zoom, sebab ada kebocoran atau hendak guna teknologi lain. Maka kita perlu adakan mesyuarat seperti biasa secara fizikal, tetapi pindah ke bilik yang ada ruang lebih luas bagi menjamin aspek penjarakan fizikal. Saya tidak mahu situasi ini berpanjangan selamanya dan rakyat juga mempunyai pendirian sama untuk balik ke kehidupan biasa, boleh makan, menjolakan perniagaan, bersakan, beriadah.

S: Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan memampukan kesungguhan kerajaan PN untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan memenuh hari sukar akibat pandemik. Apa harapan Tan Sri daripada program ini?

J: Memang saya cukup harapkan kalau boleh semua yang patut dapat suntikan, menerima suntikan. Saya sudah maklumkan sebelum ini pun, tolonglah tampil ke depan, jangan bimbang, ragu atau takut. Daftar dalam MySe-

jahtera supaya semua rakyat kita mendapat vaksin. Kerajaan sudah buat keputusan untuk berikan vaksin secara percuma, malah kita sediakan kepada bukan warganegara secara percuma. Pasal apa? Kalau rakyat Malaysia saja dapat percuma dan disuntik vaksin, warga asing duduk bekerja di sini tidak disuntik, esok dia ada masalah, kita yang dijangkiti.

Jadi, harapan saya semua pihak mesti berhisap secara bersama dalam kempen untuk menjayakan program imunisasi. Sasaran kita, 80 peratus daripada rakyat di Malaysia, itu sebenarnya hampir 100 peratus daripada mereka yang patut diberikan vaksin. Untuk mencapai imuniti kelompok, saya dimaklumkan ia harus mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus. Kalau ikut risiko awal, tinjauan KKM, 87 peratus bersetuju mengambil vaksin.

Selapas vaksin pertama sampai, kadar keyakinan terhadap pelan nak ke 80 peratus, justeru ia perkembangan yang amat baik. Cuma, tempoh ini masih panjang, sampai awal tahun depan. Kalau semua berjalan mengikut jadual dan vaksin tiba bersandakan masa tertentu, maka ramai akan dapat suntikan dan itu lebih baik bagi kita. Rancangan imunisasi ini sangat mustahab dan kempen hendak guna teknologi lain. Maka kita perlu adakan mesyuarat seperti biasa secara fizikal, tetapi pindah ke bilik yang ada ruang lebih luas bagi menjamin aspek penjarakan fizikal. Saya tidak mahu situasi ini berpanjangan selamanya dan rakyat juga mempunyai pendirian sama untuk balik ke kehidupan biasa, boleh makan, menjolakan perniagaan, bersakan, beriadah.

Tiada faedah tolak imunisasi

S: Apa yang boleh dilakukanandainya tidak mendapat jumlah (sasaran rakyat) yang mencukupi untuk penerimaan vaksin?

J: Kita akan memang ada sedikit masalah sedemikian kerana dalam mana-mana masyarakat pun, pasti ada kumpulan tidak setuju, tetapi harapan saya, yang tidak bersetuju itu tidak besar sangat dan tidak terpengaruh kempen aktiviti menerusi pelbagai bahagian yang menimbalkan ketakutan, kebimbangan, maki dan macam-macam cerita demi menyalah pandangan rakyat supaya tidak mengambil suntikan.



KERATAN AKHBAR

1 March 2021

| | | |
|--------------|---|--|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 'Adat berpolitik ibarat bina keluarga' |
| Muka Surat | : | 14 |

'Adat berpolitik ibarat bina keluarga'



AMANAH beri gambaran PKR seolah-olah tidak hormati kesepakatan dalam PH

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Mohamed Farid Noh
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Parti Amanah Negara (AMANAH) memberi gambaran PKR seolah-olah tidak menghormati peraturan, had dan kesepakatan dalam Pakatan Harapan (PH) apabila menerima penyertaan tiga wakil rakyat dari parti itu.

Timbalan Presidennya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, yang memberi gambaran perkara itu umpama masalah dalaman keluarga, turut mempersoalkan kesudahan yang akan berlaku jika pasangan suami isteri sering mahu bertukar pasangan.

"Dalam ikatan suami isteri yang sah dan berjanji sehidup semati pun kadangkala berlaku salah faham, pertelingkahan dan pergaduhan ada syariat dan hukum memandu pasangan suami isteri dalam apa situasi sekali pun.

"Ada masalah yang dapat diselesaikan dengan perundingan,

engagement (libat urus) dan muafakat tolak ansur.

"Jika tiada lagi jalan keluar, maka syariat mengizinkan perceraian berlaku.

"Demikian juga dengan keluarga besar mana-mana gabungan parti politik.

"Setiap parti dan ahli ada peraturan, batas serta kesepakatan yang mesti dijaga dan dihormati," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad, mengesahkan tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Johor meninggalkan parti itu untuk menyertai PKR, sekutunya dalam PH.

Mereka ialah ADUN Senggarang, Khairuddin A Rahim; ADUN Serom, Faizul Amri Adnan dan ADUN Mahkota, Muhammad Said Jonit.

Sebelum ini, dua wakil rakyat dari AMANAH di Selangor, iaitu

ADUN Meru, Mohd Fakhrurazi Mohd Mokhtar dan ADUN Sabak, Ahmad Mustain Othman, juga mengumumkan menyertai PKR.

Sementara itu, Ketua Pemuda AMANAH, Shazni Munir Mohd Ithnin, mengingatkan PKR supaya tidak hipokrit dan 'lidah bercabang', sebaliknya perlu tekad untuk bersama menolak budaya lompat parti antara komponen parti dalam Pakatan Harapan (PH).

Katanya, tindakan lompat parti dalam PH jelas menguntungkan satu pihak dan merugikan pihak lain.

Di Johor Bahru, Pengerusi AMANAH Johor, Aminolhuda Hassan, berkata pihaknya belum menerima surat rasmi daripada ketiga-tiga ADUN terbabit.

Dalam pada itu, AMANAH Kawasan Bukit Bintang menggesa kepimpinan parti itu mengkaji semula kerjasama dengan PKR dan kedudukan dalam PH.

Demikian juga dengan keluarga besar mana-mana gabungan parti politik. Setiap parti dan ahli ada peraturan, batas serta kesepakatan yang mesti dijaga dan dihormati.

Salahuddin Ayub,
 Timbalan Presiden
 AMANAH



KERATAN AKHBAR

1 March 2021

| | | |
|--------------|---|-----------------------|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Selangor FC tak panik |
| Muka Surat | : | 46 |



Aksi Pemain KL United FC, Nik Mohd Shahrul Azim (kiri) bersaing dengan pemain Selangor FC, R Dinesh ketika perlawanan Piala Prihatin Menteri Wilayah 2021 di Stadium KLFA, Cheras. (Foto Hairul Anuar Rahim/BHT)

Selangor FC tak panik

Kuala Lumpur: Kegagalan Selangor FC meraih kemenangan ke atas KL United, kelmarin tampak mencalar rekod bersih mereka yang cemerlang memenangi dua perlawanan pramusim menentang PDRM dan PJ City sebelum ini.

Malah, tidak keterlaluan untuk menganggap masih ada lagi 'kerja rumah' yang perlu dilakukan pengendalinya, Karsten Neitzel sekiranya mahu muncul sebagai pencabar kejuaraan Liga Super pada musim ini apatah lagi dengan tempoh persiapan yang singkat.

Apapun, pengendali dari Jerman itu melihat keputusan perlawanan yang tidak berpihak kepada mereka itu secara po-

sitif, namun menuntut peningkatan daripada anak buahnya ketika saingan Liga M akan bermula kurang seminggu lagi.

"Perlawanan malam ini (kelmarin) memang membantu kami kerana kami menentang lawan yang baik. Persembahan pemain agak baik tetapi kita pun baru menjalani latihan selama 12 hari.

"Apa yang dimahukan adalah peningkatan. Kita sudah bermain tiga perlawanan persahabatan dan tidak dibolosi. Kita perlu perbaiki aspek penyudah kerana kita banyak mencipta peluang tetapi tidak berjaya untuk menjaringkan gol selepas 90 minit dalam perlawanan ini.

"Sudah tentu saya kecewa ke-

rana kami mahu menang semua perlawanan. Tetapi lebih penting untuk kita sentiasa positif dan ada lebih kurang seminggu lagi, kita akan gunakan sepenuhnya untuk membetulkan kelemahan," katanya.

Pada 'Aksi Tetangga Lembah Klang' bagi merebut Piala Prihatin di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, Cheras, skuad The Red Giants tewas 4-2 menerusi penentuan sepakan penalti di tangan KL United selepas tiada jaringan dihasilkan dalam tempoh 90 minit.

Sebagai rekod, Selangor FC akan membuka tirai Liga Super menentang Sri Pahang FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Sabtu ini.



KERATAN AKHBAR

1 March 2021

| | | |
|--------------|---|--|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Banglo diserbu tapi sajat tidak dijumpai |
| Muka Surat | : | 5 |

Banglo diserbu tapi Sajat tidak dijumpai

Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menyerbu rumah usahawan kosmetik, Nur Sajat atau nama sebenarnya Muhammad Sajjad Kamaruzzaman, kelmarin.

Difahamkan, tindakan yang turut disertai anggota polis itu dilakukan kira-kira jam 9 malam di banglo mewah milik usahawan itu di Kota Damansara, Petaling Jaya.

Menurut sumber, bagaimanapun Sajat tiada di rumahnya dipercayai bersembunyi sejak waran tangkap dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada 23 Februari lalu.

"Anggota penguat kuasa menjalankan risikan sejak beberapa hari lalu sebelum melakukan serbuan. Hasil pemeriksaan di setiap rumah di rumah berken-

naan gagal menemuinya.

"Ketika serbuan dilakukan, hanya ahli keluarga dan pembantu rumah berada di rumah berkenaan. Mereka mendakwa Sajat tidak pulang ke rumah sejak beberapa hari lalu," katanya.

Sumber berkata, Sajat dipercayai melarikan diri dan bersembunyi di tempat lain bagi mengelak kesan Jais.

"Anggota penguat kuasa kini berusaha menjejaki Sajat dan tidak menolak kemungkinan dia masih berada di kawasan Lembah Klang," katanya yang turut membuat laporan polis.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd Faisal ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan mengenai serbuan berkenaan.

Serbuan disertai anggota polis dilakukan kira-kira jam 9 malam



| KERATAN AKHBAR | | |
|-----------------------|---|------------------------------------|
| 1 March 2021 | | |
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Sajat bermain pihak berkuasa agama |
| Muka Surat | : | 5 |

'Sajat bermain pihak berkuasa agama'

Kuala Lumpur: "Sajat seolah-olah mempermainkan penguatkuasaan undang-undang syariah negara ini," kata bekas mak nyah, Jefferi Mohd Nor, 56.

Justeru, katanya, pihak berkuasa agama perlu tegas dalam melaksanakan undang-undang diperuntukkan tanpa ada diskriminasi.

Jefferi berkata demikian apabila ditanya mengenai tindakan Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat dipercayai bersembunyi daripada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) yang sedang memburunya.

Selepas gagal dikesan, Sajat memuat naik hantaran berbaur sindiran di Instagram miliknya kelmarin dipercayai ditujukan kepada pihak berkuasa itu.

Jefferi berpendapat, tindakan ahli perniagaan kontroversi itu untuk menguji pihak berkuasa agama, sekali gus menampakkan kelemahan pihak berkenaan.

Menurutnya, masyarakat akan memandang serong,



Tindakan dia melarikan diri dan selepas itu memuat naik hantaran di media sosial sebenarnya memberi peluang populariti kepada dirinya di sebalik kelemahan pihak lain"

Jefferi Mohd Nor

apabila golongan transgender kini sudah semakin berani dan tidak menghormati pihak berkuasa agama.

"Tindakan dia melarikan diri dan selepas itu memuat naik hantaran di media sosial sebenarnya memberi peluang populariti kepada dirinya di sebalik kelemahan pihak lain.

"Nanti apabila ditangkap, dia cuba meraih simpati masyarakat pula. Dalam hal ini, Jais perlu tegas dan tidak perlu takut untuk melaksa-



NUR Sajat

nakan tindakan seterusnya," katanya.

Jefferi yang juga ahli perniagaan kosmetik berkata, Jais perlu memainkan peranan sebaik mungkin supaya tidak dipersendakan oleh

masyarakat.

Selasa lalu, Sajat dikenakan waran tangkap selepas gagal hadir sebutan semula pertuduhan berpakaian wanita di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR | | |
|-----------------------|---|----------------------------|
| 1 March 2021 | | |
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Di mana Sajat bersembunyi? |
| Muka Surat | : | 3 |

Pihak berkuasa serbu rumah usahawan kosmetik di Kota Damansara **Di mana Sajat bersembunyi?**



SAJAT dikenakan waran tangkap oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam selepas gagal hadir sebutan semula kes pada Selasa lalu.

Oleh NOR AZHAN MD. GHAZALI

PETALING JAYA - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan pihak polis telah 'merbu' kediaman usahawan kosmetik sensasi, Nur Sajat atau nama sebenarnya, Muhamad Sajad Kamaruzzaman, 36, di Seksyen 10, Kota Damansara semalam.

Bagaimanapun, serbuan kira-kira pukul 9 malam itu tidak menemui Sajat dan dia dipercayai telah melarikan diri.

Menurut sumber, ketika serbuan, hanya terdapat beberapa individu termasuk bapa Sajat, Kamaruz Zamani Harun, 68, pembantu rumah dan dua kanak-kanak dipercayai anak angkatnya dalam kediaman berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut telah dilakukan meliputi keseluruhan kediaman itu bagaimanapun Sajat gagal dijumpai," katanya di sini semalam.

Semalam, Kosmo melaporkan



KERATAN Kosmo! Ahad semalam.

Sajat seolah-olah memeri JAIS apabila memberitahu pengikut laman Instagramnya bahawa tiada (penguat kuasa) mengetuk pintu rumah untuk menangkapnya.

Kata-kata itu dikeluarkan selepas pengikutnya bertanya tem-

pat persembunyian usahawan kosmetik berkenaan.

Terdahulu akhbar ini melaporkan Sajat bersembunyi selepas dikenakan waran tangkap oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada Selasa lalu.

Pada 6 Januari lalu, Sajat mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Syarie Mohamad Khalid Shaeef@Shah atas pertuduhan berpakaian menyerupai wanita sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.

Kesalahan itu dilakukan di Nunsajati Besutician, Seksyen 16 di sini pukul 7.30 malam, 23 Februari lalu.

Sabit kesalahan dia boleh didenda maksimum RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 10 (a) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.

Sementara itu, Sajat dipercayai telah menyah aktif akaun Instagram miliknya selepas ia gagal diakses semalam.



| KERATAN AKHBAR | | |
|-----------------------|---|---------------------------------|
| 1 March 2021 | | |
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Angka jangkitan langkau 300,000 |
| Muka Surat | : | 4 |

Negara catat sembilan kematian termasuk warga emas berusia 102 tahun

Angka jangkitan langkau 300,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Jumlah kumulatif pesakit positif Covid-19 negara kini melebihi angka 300,000 dengan 300,752 kes dicatatkan, termasuk kes baharu sebanyak 2,437 semalam.

Jumlah harian pesakit sembuh pula masih mendahului pesakit baharu dengan 3,251 kes semalam, menjadikan jumlah pesakit pulih sepenuhnya sebanyak 273,417 kes.

Selangor mencatatkan kes tertinggi sebanyak 914 kes diikuti Johor (340 kes) dan Perak (337 kes).

Terdapat sembilan kes kematian di Selangor, Sarawak, Melaka, Kelantan, Perak dan Johor termasuk paling tua ialah wanita warga asing berusia 102 tahun, menjadikan sebanyak 1,130 kes kematian di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, 89 kluster merekodkan pertambahan kes dengan sembilan daripadanya ialah kluster baharu yang kesemuanya berkaitan tempat kerja.

Menurutnya, Kluster Perusahaan Jalan Bukit dikesan di Hulu Langat, Selangor dengan 252 kes pekerja sebuah kilang di



PETUGAS kesihatan melakukan ujian saringan Covid-19 terhadap orang ramai terutamanya pelajar sekolah di Dewan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Taman Dato Harun, Petaling Jaya semalam. - FARIZ RUSAZIK

Kawasan Perusahaan Bukit Angkat, Kajang, Hulu Langat sekali gus kluster yang merekodkan kes baharu tertinggi semalam.

"Kluster Jalan Timah Tiga di Johor Bahru, Johor dengan 31 kes iaitu kes indeks berjejala, manakala kes-kes dalam kluster

itu hasil saringan kontak rapat serta melibatkan sebuah kilang di Jalan Timah 3, Pasir Gudang Industrial Estate, Johor Bahru.

"Seterusnya, kluster Jalan Tanjung Empat juga di Johor Bahru dengan 28 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Tanjung A4,

Gelang Patah, Johor Bahru," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Jalan Desa Tropika juga di Johor Bahru dengan 10 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Desa Tropika 1/1, Taman Perindustrian Tropika, Johor Bahru.

"Kluster Batu Empat di Batu Pahat dengan lapan kes iaitu kes indeks hasil saringan pebelum pulang ke negara asal serta melibatkan sebuah kilang di Batu 4, Jalan Kluang, Batu Pahat serta Kluster Industri Waja di Kuala Langat, Selangor dengan 45 kes dikesan.

"Ia membabitkan hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang di Jalan Waja 16, Kawasan Perindustrian Telok Panglima Garang, Kuala Langat," ujarnya.

Noor Hisham berkata, Kluster Jalan Selisik pula di Petaling dan Kuala Selangor dengan 17 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Selisik, Shah Alam serta Kluster Tapak Bina Bukit Klara di Kepong, Kuala Lumpur dengan 181 kes pekerja sebuah tapak binaan di Jalan Bukit Klara 1, Kepong.

Mengulas lanjut, beliau berkata, satu lagi kluster ialah Kluster Jalan Sungai Bacong di Seberang

| COVID-19 | |
|--|---------|
| Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam | |
| Jumlah | |
| Kes Baharu | 2,437 |
| Impurt | 2 |
| Tempatan | 2,435 |
| Pulih | 3,251 |
| - Kematian | 9 |
| - Masih dirawat | 26,205 |
| - Jumlah kes sembuh | 273,417 |
| - Jumlah Kematian | 1,130 |
| Jumlah kes keseturuhan 300,752 | |

Perai Selatan, Pulau Pinang dengan 40 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Sungai Bacong, Furniture Industrial Estate, Seberang Perai Selatan.

Sementara itu, katanya, tiga kluster tamat semalam iaitu Kluster Jalan Rami Tiga, Kluster Lingkaran Maluri dan Kluster Sri Piontong menjadikan sebanyak 647 kluster telah ditamatkan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 March 2021

| | | |
|--------------|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Melaka tidak minat beli vaksin tambahan |
| Muka Surat | : | 5 |

Melaka tidak minat beli vaksin tambahan

MELAKA – Melaka tidak berminat untuk membeli vaksin tambahan, sebaliknya hanya akan menggunakan dos diperuntukkan Kerajaan Pusat yang turut mampu menampung lebih 40,000 warga asing di negeri ini.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali berkata, jumlah 600,000 dos vaksin yang akan diterima secara berperingkat sehingga fasa ketiga bukan hanya bagi penerima rakyat tempatan, namun turut meliputi pekerja warga asing di negeri ini.

“Kita tidak berminat untuk membeli vaksin tambahan kerana kita yakin jumlah (vaksin Covid-19) ditempah kerajaan sudah mencukupi.

“Jadi, kita gunakan sahaja vaksin yang telah dibeli Kerajaan Pusat. Vaksin ini bukan hanya cukup untuk diberikan kepada rakyat tempatan, malah kira-kira 40,000 warga asing di negeri ini juga tidak terkecuali untuk diberikan vaksin secara percuma,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan negeri ini akan mengikuti jejak langkah Sarawak dan Selangor

yang berhasrat untuk membeli vaksin tambahan sendiri pada sidang media Program Penyerahan Bantuan *One-off* Pengayuh Beca 2021, di sini semalam.

Sebelum ini, Kerajaan Persekutuan serta Kementerian Kesihatan (KKM) menyambut baik hasrat Selangor yang mahu membeli lima juta vaksin Covid-19 bagi kegunaan rakyat negeri itu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dilaporkan berkata, tindakan kerajaan negeri itu dilihat berupaya mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dalam pembelian vaksin.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar turut mengalu-alukan inisiatif kerajaan negeri untuk membeli vaksin sendiri bagi menampung keperluan rakyat masing-masing dalam menghadapi cabaran membabitkan bekalan vaksin.

Dalam pada itu, Sulaiman memberitahu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebelum ini turut menyatakan tempahan untuk pembelian vaksin tersebut bukanlah perkara yang mudah.



KERATAN AKHBAR

1 March 2021

| | | |
|--------------|---|---------------------------------|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Dua Ahli Parlimen PKR sokong PN |
| Muka Surat | : | 6 |

Dua Ahli Parlimen PKR sokong PN

PETALING JAYA – Dua ahli parlimen pembangkang semalam menandatangani Akuan Bersumpah (SD) yang menyatakan sokongan kepada kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Perkara tersebut dimaklumkan Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin menerusi Facebooknya selepas kedua-dua Ahli Parlimen daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu menyerahkan surat berkenaan kepadanya di Putrajaya.

"Hari ini (semalam) saya menerima Akuan Bersumpah (SD) daripada dua Ahli Parlimen pembangkang yang menyatakan sokongan kepada kerajaan PN.

"SD oleh Ahli Parlimen Julau, YB (Yang Berhormat) Larry Sng Wei Shien dan Ahli Parlimen Tebrau, YB Steven Choong Shiau Yoon itu ditandatangani dan diserahkan kepada saya selepas sesi pemukiman anggota Jemaah Menteri sempena setahun kerajaan PN di Putrajaya," kata Perdana Menteri di laman Facebook semalam.

Menurut Muhyiddin, dengan sokongan itu sekali gus akan mengukuhkan lagi kerajaan PN dalam usaha dan perancangan untuk mengurus pandemik Covid-19 serta memangkin kebangkitan semula ekonomi negara.

Dengan ketiadaan dua ahli parlimen ini, jumlah kerusi PKR di Dewan Rakyat berkurang kepada 36 selepas memenangi 47 kerusi Parlimen pada Mei 2018.

Sebelum ini, sekumpulan ahli Parlimen yang diketuai oleh Azmin yang juga bekas



LARRY



STEVEN

Timbalan Presiden PKR keluar parti menyebabkan berlakunya perubahan kerajaan.



KERATAN AKHBAR

1 March 2021

| | | |
|--------------|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Venue rasmi Sarawak United, Kuching City sudah ditetapkan |
| Muka Surat | : | 47 |

Venue rasmi Sarawak United, Kuching City sudah ditetapkan

LIGA Bola Sepak Malaysia (MFL) mengesahkan permohonan pertukaran venue bagi dua pasukan Liga Premier, Sarawak United dan Kuching City telah diluluskan menerusi Mesyuarat Khas Ahli Lembaga Pengarah MFL semalam.

MFL dalam satu kenyataan memberitahu, Sarawak United sebelum ini mendaftarkan Stadium Majlis Perbandaran Selayang sebagai venue tuan rumah, namun memohon untuk bermain di Stadium Hang Jebat, Melaka.

"Permohonan Sarawak United untuk bermain di Melaka telah dipersetujui oleh pasukan Liga Super, Melaka United FC dengan mendapat kebenaran daripada Perbadanan Stadium Melaka,"

kata MFL dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Kuching City akan menjadikan Stadium Likas, Kota Kinabalu sebagai venue tuan rumah buat sementara waktu selain membuat permohonan untuk bermain sebagai status pasukan pelawat untuk dua perlawanan pertama.

"Berikutan peningkatan kes Covid-19 di Sarawak, kerajaan negeri telah mengetatkan prosedur operasi standard (SOP) berkuat kuasa sehingga 31 Mac depan dengan setiap individu yang memasuki Sarawak perlu dikuarantin selama 14 hari.

"Sehubungan itu, Kuching City memohon supaya dua perlaw-

nan pertama dimainkan di venue lawan dan selaku pasukan pelawat dan ia mendapat persetujuan MFL.

"Kemudian, MFL turut meluluskan permohonan Kuching City yang mahu menjadikan Stadium Likas, Kota Kinabalu sebagai venue tuan rumah pasukan bagi baki perlawanan seterusnya," katanya.

Sarawak United akan bertemu dengan Kelantan United pada aksi pembuka tirai Liga Premier di Stadium Hang Jebat pada Ahad ini manakala Kuching City pula dijadualkan bertemu Terengganu FC II (TFC II) di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada 10 Mac depan.



STADIUM Hang Jebat akan menjadi venue rasmi tuan rumah Sarawak United buat sementara waktu bagi saingan Liga Premier musim ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR 28 February 2021 | | |
|--|---|------------------------------------|
| Akhbar | : | Berita Harian Online |
| Tajuk Berita | : | 5 aksi Liga Perdana dipinda tarikh |
| Muka Surat | : | - |

The screenshot shows the BH ONLINE website interface. The main headline is "5 aksi Liga Perdana dipinda tarikh" (5 Liga Perdana matches postponed). The article text includes:

5 aksi Liga Perdana dipinda tarikh
 5 aksi Liga Perdana musim 2021 dipinda tarikh kerana pelaksanaan perlawanan venue pasukan Sarawak United FC dan Kelantan FC dipindahkan ke Stadium Hang Jebel, Kuala Lumpur. Manakala perlawanan Terengganu FC dipinda tarikh kerana pelaksanaan perlawanan venue pasukan Sarawak United FC dipindahkan ke Stadium Hang Jebel, Kuala Lumpur.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Tiga perlawanan Piala Malaysia 2021 dipinda
- Jualan tiket Malaysia-Kyrgyzstan di 11 lokasi
- PSBM baru berkenaan dengan
- Jurutera Perak kerosakan 3 perlawanan

BERITA BERKAITAN

- Stadium Hang Jebel venue dua aksi tertinggi**
- Selangor 'tumpang' Stadium Hang Jebel, UTM ke Majlis**
- Selangor lawan Perak di Stadium Nasional**
- Aksi PKNP-PJ City ditunda**

The bottom of the screenshot shows the BH ONLINE logo, social media links, and a footer with copyright information: "© 2021 BHD New Media Group. All rights reserved. A part of Media Prima Group." It also includes a disclaimer: "Berita | Disclaimer | Nota Pendedahan Media Prima Group".



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



| | | |
|-------------------------|---|---|
| KERATAN AKHBAR | | |
| 28 February 2021 | | |
| Akhbar | : | Berita Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Adat berpolitik ibarat bina keluarga - Salahuddin |
| Muka Surat | : | - |

Adat berpolitik ibarat bina keluarga - Salahuddin

Salahuddin membandingkan politik dengan membina keluarga. Beliau berkata, politik ibarat membina keluarga yang memerlukan kerjasama semua pihak. Beliau juga berkata, politik ibarat membina keluarga yang memerlukan kerjasama semua pihak. Beliau juga berkata, politik ibarat membina keluarga yang memerlukan kerjasama semua pihak.

DESKRIPSI ISU/ALYANSA

